

Venturi GM900 - Gajet Intip Dengar Wireless

Written by

Saturday, 28 August 2010 10:13 - Last Updated Friday, 10 May 2013 13:41

Gajet Intip-dengar tanpa wayar Venturi siri GM ialah gajet mikrofon untuk misi profesional. Berfrekuensi ISM / UHF. ianya menggunakan komponen hi-tech dengan rekabentuk litar yang asal oleh Agen Perisikan Profesional US dari teknik STD. Memiliki beberapa ciri-ciri tersendiri yang unik seperti nada tona yang jelas, antena yang pendek, mikrofon yang halus serta mudah alih.



Gajet Venturi siri GM900 selalunya digunakan dalam misi pengawasan sistem, temuduga rahsia, pembelajaran audio-visual, pelancungan, penjelajahan, pemerolehan maklumat dan sebagainya.

Parameter Asas:

- Hubungan komunikasi menggunakan frekuensi tetap ISM / UHF. Menggunakan antena lembut yang kekal sepanjang 2 cm.
- Jarak transmisi hubungan bergantung pada keadaan sekeliling dan halangan fizikal iaitu

antara 1800 meter hingga maksimum 4000 meter.

- Kedua-dua pemancar dan penerima menggunakan bateri (bateri kamera) dengan 3V Li-M sesuai untuk CR2. Mampu bertahan dalam misi selama 36 jam untuk pemantauan (standby) dan 16 jam ketika berhubung secara aktif.
- Kepekaan bunyi mikrofon pula dapat mendengar bunyi yang hanya serendah 12dB dengan liputan untuk liputan kawasan seluas 200 meter persegi dari semua arah

Pengendalian yang Mudah :

1. Pasangkan bateri dengan betul. Letakkan suis pada kedudukan ON untuk status beroperasi. Letakkan alat intip dengar (pemancar) pada kedudukan 1 hingga 5 meter dari sumber bunyi. Kemudian anda boleh mengawasi setiap perbualan selepas suis kuasa pada penerima dihidupkan dan fon telinga dipasang pada unit penerima.
2. Untuk tugas rakaman setiap informasi, Venturi dilengkapi dengan plug 3 mata dimana anda boleh sambungkan pada unit perakam anda.
3. Untuk mendapatkan kesan bunyi dan isyarat penerimaan yang lebih jelas, pastikan antena penerima dalam keadaan menegak dari lantai dan cari daerah untuk dapatkan isyarat terkuat) Bagi kawasan yang mempunyai kepadatan bangunan / binaan yang tinggi, kejelasan isyarat mungkin berubah-ubah mengikut halangan dan lantunan dari pelbagai kesan refleksi dan kemungkinan terdapat kawasan 'blind-spot'. Lebih sedikit halangan bangunan atau keluasan ruang terbuka antara penerima dan pemancar, semakin jauh jarak transmisi hubungan dapat dicapai.
4. Jarak transmisi juga turut dipengaruhi oleh keadaan cuaca persekitaran dan keadaan infrastuktur sekeliling. Kawasan terbuka sudah tentu lebih baik dari kawasan yang tinggi kepadatan bangunan. Kedudukan lebih tinggi lebih baik dari paras rendah. Kedudukan antena menegak lebih baik dari posisi mendatar. Pinggir bandar lebih baik dari pusat bandar. Waktu malam lebih baik dari waktu siang. Pengguna boleh membuat penilaian sesuai untuk operasi bergantung faktor-faktor yang telah diberi.
5. Sila gantikan bateri bilamana anda mendapati suara semakin kurang jelas, bunyi semakin berdengung, jarak hubungan semakin pendek dan sebagainya.

KLIK DISINI ! Ada banyak lagi gajet canggih untuk anda pilih !

